

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (TRAGEDI PUSAT TAHFIZ)

TARIKH: 26 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 02

Bomba perlu sebulan periksa tahfiz

CAMERON HIGHLANDS - Jabatan Bomba dan Penyelamat memerlukan masa sekurang-kurangnya sebulan bagi membuat pemeriksaan dan mengesan permasalahan semua maahad tahfiz berdaftar di seluruh negara.

Tanpa menyatakan jumlah sebenar maahad tahfiz berdaftar, Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata jabatan berkenaan turut memberi maklum balas kepada Kabinet dari semasa ke semasa mengenai perkara berkaitan.

Pada masa sama, katanya, pihak jabatan menghadapi kesukaran mendapatkan maklumat dalam me-

ngesan maahad tahfiz tidak berdaftar di seluruh negara bagi pemeriksaan keselamatan bangunan.

"Oleh itu, kita minta semua pihak termasuk Jabatan Agama Islam supaya menyalurkan maklumat berkaitan maahad tahfiz yang tidak berdaftar bagi mengelak insiden di pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah daripada berulang.

"Kita akui memang terdapat kesukaran. Ini kerana senarai maahad yang tidak berdaftar tiada dalam rekod Jabatan Agama Islam dan sememangnya kita memerlukan masa," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Ringlet. - *Bernama*